

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK HJ. BASHIR BIN HJ. ALIAS

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah kes kelahiran anak luar nikah bagi tempoh 3 tahun terakhir ini khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan serta apakah langkah proaktif yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi membendung gejala negatif ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan peruntukan dalam Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah Cap. 123) 1948 bagi negeri Sabah, dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sarawak Cap.10) 1951 bagi negeri Sarawak, kelahiran setiap individu di Malaysia sama ada bertaraf warganegara Malaysia atau Bukan Warganegara, hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar bagi kawasan pendaftaran di mana individu itu dilahirkan dengan butir-butir kelahirannya. Untuk makluman, JPN merekodkan kelahiran anak tidak sah taraf berdasarkan kategori seperti mana berikut:

Kategori Pertama (dengan catatan Seksyen 13 dalam Sijil Kelahiran di bawah Akta 299 di Semenanjung Malaysia atau Seksyen 10 Sabah Cap. 123 di negeri Sabah atau Seksyen 11 Sarawak Cap. 10 di negeri Sarawak)

- a. Anak yang dilahirkan tanpa perkahwinan ibu bapa yang sah dan diiktiraf oleh perundangan Malaysia;
- b. Anak bagi pasangan beragama Islam yang dilahirkan kurang daripada enam (6) bulan Qamariah dari tarikh perkahwinan ibu bapa; dan
- c. Orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kepada anak tersebut dan atas permintaan bersama ibu anak tersebut, mereka hendaklah hadir bersama di hadapan Pendaftar untuk memasukkan maklumat bapa ke dalam Sijil Kelahirannya.

Kategori Kedua (tanpa catatan Seksyen 13 dalam Sijil Kelahiran)

- a. Anak yang dilahirkan oleh ibu bapa yang tidak dapat mengemukakan dokumen perkahwinan yang sah dan diiktiraf oleh perundangan Malaysia. Dalam hal ini, hanya maklumat anak dan ibu sahaja yang didaftarkan dalam Sijil Kelahiran.

Dalam hal ini, berdasarkan kedua-dua kategori di atas, dimaklumkan bahawa rekod kelahiran anak tidak sah taraf yang didaftarkan oleh JPN tidak menggambarkan rekod kelahiran anak luar nikah secara amnya.

Sehubungan dengan itu, JPN tidak mempunyai rekod berkaitan jumlah kelahiran anak luar nikah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial telah melaksanakan pelbagai program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) bagi menangani isu-isu berkaitan kehamilan luar nikah yang melibatkan remaja masa kini. Antara langkah pro aktif ialah melalui pelaksanaan program yang dilaksanakan khusus di sekolah, institusi, komuniti dan di Pusat Remaja KafeTEEN yang menyasarkan golongan remaja berumur 13 hingga 24 tahun. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah memberi pendidikan dan amalan cara gaya hidup sihat melalui modul pendidikan kesihatan reproductif yang dibangunkan iaitu:

- (i) Modul Kesihatan Reproduktif yang menekankan penolakan perlakuan seksual (abstinens) – Katakan “TIDAK” kepada hubungan seks sebelum kahwin;
- (ii) Modul Cakna Diri Remaja yang memberi maklumat berkaitan pengetahuan kesihatan reproductif dan seksualiti remaja seperti Perkembangan remaja, Komunikasi, Penyakit Jangkitan Seksual – HIV/AIDS dan tingkah laku seksual serta kemahiran teknik menghindari tingkah laku yang berisiko; dan
- (iii) Modul Cakna Diri Lelaki (*SRH For Boys*) untuk remaja lelaki 16 hingga 24 tahun, menekankan isu kesihatan reproductif lelaki, bertanggungjawab terhadap tingkah laku seksual mereka dan pendidikan berkaitan kesalahan keganasan terhadap wanita.

Bermula tahun 2011 hingga 2019, LPPKN telah melaksanakan 5,822 program PEKERTI yang memberi manfaat kepada 293,994 golongan remaja. Ia turut dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program di Pusat Remaja KafeTEEN telah disertai oleh 1,76 juta golongan remaja sejak 2006 hingga Mac 2020. LPPKN juga aktif melaksanakan pelbagai program PEKERTI secara atas talian iaitu melalui aplikasi MyKafeTEEN dan promosi program Pusat Remaja KafeTEEN melalui media sosial Facebook, Instagram dan Twitter. Promosi dan

program adalah berbentuk kaunseling atas talian, maklumat kesihatan reproduktif melalui video, gambar, artikel dan infografik, *live chat* dan *chatting* yang mudah diakses oleh remaja. Pada tahun 2019 seramai 5,064 remaja memuat turun MyKafeTEEN melalui capaian informasi mengenai seksualiti, sesi MyDoktor, MyKaunselor dan Myfaith yang menyediakan khidmat nasihat remaja.

KPWKM melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) telah mengadakan satu Sesi Perbincangan Meja Bulat (RTD) bagi Kajian Anak Tak Sah Taraf pada 1 November 2019 (Jumaat). Objektif penganjuran RTD ini merangkumi mengenal pasti implikasi kedudukan anak tidak sah taraf daripada aspek perundangan dan psiko-sosial; membincangkan cadangan intervensi berhubung perkara berkaitan anak tak sah taraf; dan menyediakan kerangka dalam membina modul dan program yang sejajar dengan cadangan intervensi yang disenaraikan.

Peserta bagi sesi RTD ini terdiri daripada Pesuruhjaya Kanak-kanak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM); Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia; Pengarah Bahagian Dasar dan Penyelidikan Pendidikan, KPM; Jabatan Pendaftaran Negara; Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia; Pengarah Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia; Ketua Unit Perlembagaan, Pentadbiran Hal Ehwal Islam dan Litigasi, Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-undang, Jabatan Peguam Negara; dan ahli akademik yang merupakan pakar bidang khusus berkaitan anak tidak sah taraf. Sebahagian daripada hasil dapatan RTD ini digunakan sebagai input kepada Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur dan pembangunan program-program berkaitan pendidikan kesihatan reproduktif kepada kumpulan sasaran di bawah Kementerian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK PAUL IGAI

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah kajian diambil mengenai impak minda kepada kanak-kanak daripada permainan video dalam Internet yang mungkin mengandungi ciri-ciri keganasan dan kurang sopan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak pernah melaksanakan sebarang kajian mengenai impak minda kepada kanak-kanak daripada permainan video di dalam Internet yang mungkin mengandungi ciri-ciri keganasan dan kurang sopan. Walau bagaimanapun, terdapat kajian-kajian lain yang berkaitan seperti berikut:

Kajian Pengguna Internet 2018 (IUS 2018)

Kajian Pengguna Internet 2018 (IUS 2018) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati sembilan (9) daripada sepuluh (10) kanak-kanak berumur dalam lingkungan 5-17 tahun menggunakan Internet dan ini menyebabkan mereka terdedah kepada pelbagai risiko-risiko dalam talian umpamanya kandungan yang kurang sesuai, buli siber, berkomunikasi dengan individu yang tidak dikenali dan penipuan dalam talian. Dalam menguruskan risiko-risiko tersebut kepada kanak-kanak, kebanyakan ibu bapa (75.5%) memilih untuk menetapkan undang-undang mereka serta batasan penggunaan Internet untuk anak-anak mereka, termasuk hadir ketika anak-anak mereka sedang melayari Internet, daripada menggunakan Inisiatif Kawalan Ibu Bapa (*Parental Control Tools*) yang sedia ada (12.2%).

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5), 2014

Dapatan dari Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) pada tahun 2014 mendapati satu pertiga (35.3%) remaja berusia 13-24 tahun pernah terdedah dengan bahan lucah, daripada jumlah tersebut, 60.8 peratus daripadanya menyatakan Internet adalah sumber utama mereka untuk memperoleh bahan lucah tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH SABANI
BINTI MAT**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam membantu golongan sasaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan yang mendalam dari segi ekonomi dan sosial kepada rakyat kita. Pelbagai inisiatif telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam tempoh pemulihan ekonomi ini bagi meningkatkan ekonomi dan sosial serta kebajikan rakyat. Antara inisiatif yang telah dijalankan dan masih diteruskan adalah seperti berikut:

1. **Inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)** - Program Subsidi Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan Program Bantuan Tunai secara *one-off* untuk Kumpulan Rentan khusus untuk ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU) dan sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah. Bagi Program Subsidi TASKA, setakat 10 Ogos 2020, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menerima permohonan dari 2,181 buah TASKA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,785 buah TASKA dengan nilai RM8.29 juta diluluskan. Proses pembayaran telah dibuat secara berperingkat mulai Ogos 2020. Bagi Program Bantuan Tunai untuk Kumpulan Rentan pula, berikut merupakan perinciannya:

KUMPULAN RENTAN	JUMLAH PERMOHONAN (SEHINGGA 17 OGOS 2020)	JUMLAH KELULUSAN (SEHINGGA 27 JULAI 2020)	NILAI KELULUSAN
Ibu Tunggal	105,630 permohonan	22,390 permohonan	RM6.72 juta
OKU	185,713 penerima	185,713 penerima	RM55.71 juta
Sukarelawan	1,815 permohonan	1,815 permohonan	RM545 ribu

2. Agihan **Bantuan Bakul Makanan di bawah Tabung NADMA COVID-19** berjumlah RM25.2 juta. Sebanyak 227,506 bakul makanan (sehingga 18 Ogos 2020) telah diagihkan.
3. **Pesanan Khidmat Masyarakat** sepanjang tempoh PKP melalui pelbagai medium seperti poster, infografik, kenyataan media dan slot media. Antara pesanan khidmat masyarakat yang telah dilaksanakan oleh KPWK M adalah Program Kesedaran dan Pencegahan Wabak, Promosi Pencegahan Penularan COVID-19 Pasca bagi TASKA, #wanitacegahCOVID19 khusus untuk wanita di rumah, #kpwkmprihatin bagi isu-isu yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga dan penderaan terhadap kanak-kanak dan #berkatberjasa yang khusus untuk memperingati jasa petugas di barisan hadapan terutamanya petugas JKM.

Selain itu, langkah-langkah lain yang telah diambil dalam menjamin kesejahteraan sosial dan ekonomi rakyat adalah seperti berikut:

1. Agihan **Bantuan Sosial Bakul Makanan** yang bernilai RM100.00 kepada 1,000 buah keluarga yang layak bagi 222 kawasan Parlimen dengan jumlah keseluruhan RM22.2 juta untuk 222,000 bakul makanan yang selesai diagihkan pada 6 Mei 2020;
2. **Kerjasama JKM dengan 2,820 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)**, syarikat korporat dan individu yang telah memanfaatkan seramai 401,825 orang penerima sumbangan;
3. **Talian Khas Kaunseling COVID-19** yang telah diwujudkan bagi memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada mereka yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 serta PKP dengan penglibatan seramai 528 orang kaunselor seluruh negara. Dalam tempoh dari 18 Mac 2020 hingga 17 Ogos 2020, talian ini telah menerima sebanyak 2,462 panggilan;
4. **Talian Kasih 15999 dan Talian Kasih Whatsapp 019-26 15999** yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh (7) hari seminggu. Sehingga 17 Ogos 2020, sebanyak 119,612 panggilan telah diterima

mengambil kira keperluan bagi golongan wanita, kanak-kanak, OKU serta warga emas. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 431 kes mengenai keganasan rumah tangga telah dipanjangkan kepada JKM untuk siasatan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 244 kes telah diselesaikan;

5. **Peranan seramai 4,188 petugas JKM** dalam 326 Pusat Kuarantin di seluruh negara dengan menyediakan keperluan asas dan bekalan makanan sebanyak tiga kali sehari untuk 102,209 *Person Under Surveillance* (PUS);
6. **Kerjasama dengan *Humanitarian Country Team*** Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam menyelaraskan penyaluran bantuan daripada segi kewangan, barangan keperluan, perkhidmatan atau kepakaran yang diperlukan; dan
7. **Bantuan Kebajikan Bulanan JKM** diawalkan 15 hari iaitu elaun yang sepatutnya diterima pada 10 April 2020 telah disalurkan pada 25 Mac 2020. Manakala, bantuan bagi bulan Mei 2020 turut diawalkan dan telah disalurkan pada 25 April 2020 dengan melibatkan kos sebanyak RM150 juta kepada 490,586 penerima bantuan di seluruh Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAJ MUNNI BINTI
SABU**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah dasar Kerajaan sekarang terhadap perkahwinan bawah umur dan adakah Kerajaan akan terus membenarkan perkahwinan bawah umur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur merupakan pernyataan kepada pendirian dan usaha Kerajaan dalam menangani punca perkahwinan bawah umur di negara ini.

Dalam hal ini, Kerajaan akan komited meneruskan usaha bagi menangani punca perkahwinan bawah umur melalui kerjasama dengan Kementerian, Agensi di Peringkat Persekutuan dan Negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga Badan Antarabangsa.

Kerajaan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Januari 2020 yang lepas telah bersetuju dengan penubuhan satu Jawatankuasa Pemandu bagi memantau pelaksanaan pelan. Jawatankuasa ini turut berfungsi dalam memantau perkembangan program dan tindakan yang dilaksanakan bagi setiap strategi di bawah faktor yang telah dikenal pasti menjadi punca kepada perkahwinan bawah umur. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bilangan 1 Tahun 2020 juga telah diadakan pada 24 Ogos 2020 yang lepas. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada Kementerian dan Agensi yang merupakan agensi pelaksana kepada program dan tindakan di dalam pelan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin menjelaskan bahawa kanak-kanak perlu diberi peluang untuk membina dan mengembangkan potensi sepenuhnya selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Perkahwinan pada usia yang terlalu muda jelas bercanggah dengan prinsip perkembangan kanak-kanak dan sewajarnya dielakkan. Membenarkan kanak-kanak berkahwin tanpa asas yang kukuh bermakna meletakkan beban dan tanggungjawab berat sebagai suami isteri atau ibu bapa atas bahu mereka. Mendedahkan kanak-kanak kepada tanggungjawab seperti ini hanya membuka lebih banyak ruang kepada perceraian, penderaan

SOALAN NO. : 60

seksual, fizikal dan mental, pengabaian malahan juga dan masalah sosial seperti pembuangan bayi.

Tuan Yang di-Pertua,

Perlindungan dan pemeliharaan kepada hak kanak-kanak merupakan tanggungjawab kita bersama. Justeru, saya menyeru kerjasama dan komitmen daripada semua pihak bagi menjayakan pelaksanaan program dan tindakan di bawah pelan strategi ini. Saya juga berharap, dengan adanya sokongan dan komitmen yang berterusan daripada semua pihak, program-program yang dilaksanakan dapat meningkatkan kesedaran, sekali gus mengubah persepsi dan stigma yang dikaitkan dengan isu perkahwinan bawah umur dalam kalangan masyarakat di negara ini.